
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HMT 228 – Sociolinguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan di dalam **Bahagian A**.

Jawab DUA soalan daripada **Bahagian B**.

...2/-

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan .

1. Berdasarkan Fromkin et. al.,(2003) dan Holmes (2001) untuk **setiap satu** yang berikut, jawab soalan [i] – [iii].

- [a] Vernakular
- [b] Laras
- [c] Kreol
- [d] Pijin
- [e] Jargon
- [f] Alih kod
- [g] Slanga
- [h] Diglosia
- [i] Campur kod
- [j] Idiolek

Jawab soalan [i] – [iii] di bawah.

- [i] Berikan definisi.
- [ii] Tuliskan nota ringkas.
- [iii] Berikan TUJUH contoh yang bersesuaian.

[100 markah]

2. Berdasarkan pengertian Holmes (2001) tentang bahasa, santun bahasa, kognisi dan masyarakat:

- [i] Huraikan gambar [a], [b] DAN [c] dalam **Data 1**, yang dipaparkan.
- [ii] Berikan SEPULUH contoh yang sebenar daripada persekitaran masyarakat anda.

[100 markah]

...Data 1/-
...3/-

Data 1

[a]



[b]



[c]



...4/-

Bahagian B

Jawab DUA soalan sahaja.

3. Jawab soalan [a] DAN [b] yang berikut:

[a] Berikan ENAM faktor yang mempengaruhi kewujudan dialek sosial. Huraikan.

[b] Berdasarkan masyarakat anda sendiri, aplikasikan dan jelaskan keenam-enam faktor dalam [a] di atas.

[100 markah]

4. Jawab soalan [a] DAN [b] yang berikut:

[a] Jantina dan usia memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa sesebuah masyarakat. Bincangkan.

[b] Pada pendapat anda:

[i] Apakah kelompok umur yang menjadi penyumbang terbesar dalam [a] di atas. Mengapa?

[ii] Benarkah kata pepatah 'Semakin Tunduk Semakin Berisi;' 'Sekilas Ikan Di Air, Sudah Tahu Jantan Betina'.
Jelaskan.

[100 markah]

5. Jelaskan persoalan [a] DAN [b] di bawah.

[a] [i] Apakah yang dimaksudkan dengan bahasa rahsia?

[ii] Mengapakah bahasa rahsia wujud sebagai sebahagian daripada budaya sesebuah masyarakat?

[iii] Berikan LIMA contoh pantang larang dalam masyarakat anda.

[b] Berikan dan huraikan:

[i] Tiga budaya di negara ini yang dianggap sebagai menggugat keharmonian masyarakat.

[ii] Tiga budaya yang dicipta untuk menjaga dan mempertahankan keharmonian masyarakat negara kita.

[100 markah]

- ooo 0 ooo -